

30 NOV 2002

MCA-Pecat/I

MCA AKAN AMBIL TINDAKAN KE ATAS DUA ADUNNYA, KATA LING

BINTULU, 30 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini membayangkan bahawa MCA akan memecat dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA dari Pulau Pinang yang telah melanggar disiplin parti.

Beliau berkata MCA telahpun mengambil tindakan yang diperlukan untuk mengendalikan kes Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi), yang telah melanggar disiplin parti dengan mengambil pendekatan berkecuali daripada mengundi dalam usul yang dikemukakan oleh pembangkang pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini,

"Kami sentiasa mendengar nasihat rakan-rakan kami (dalam Barisan Nasional)," katanya kepada pemberita selepas meninjau perkembangan lapangan terbang Bintulu yang baru berharga RM385 juta, kira-kira 45 minit perjalanan melalui jalan darat dari sini.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan diminta mengulas kenyataan Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno mahu dua Adun MCA itu dipecat.

Bagaimanapun, Umno yang membuat keputusan itu pada mesyuarat majlis tetringginya, berkata perkara itu perlu diputuskan oleh BN.

Dr Ling berkata lapangan terbang baru itu, yang dijangka akan beroperasi menjelang Mac tahun depan, boleh menempatkan Airbus 747 walaupun pada awalnya ia dibina bagi memenuhi keperluan Boeing 737.

Dibangunkan oleh Happy Global, sebuah syarikat milik hartawan Sarawak Tan Sri Ting Pek Kiing, ia siap satu tahun lebih awal daripada jadual.

Dengan mempunyai landasan terpanjang di Sabah dan Sarawak, berukuran 2,750 meter, beliau yakin ia akan berfungsi sebagai pemangkin bagi pertumbuhan di kawasan ini ekoran kewujudan banyak industri seperti projek mega empangan Bakun, kilang melebur aluminium dan pelabuhan Similajau yang baru.

Beliau berkata selain daripada komoditi utama seperti kelapa sawit, banyak jentera berat, yang memerlukan pengangkutan dengan Airbus 747 ke kawasan perindustrian, akan menggunakan lapangan terbang itu.

Perdana Menteri Dr Mahathir dijadual merasmikannya pada 19 Dis, katanya.

-- BERNAMA

CJ AO RHM